

**SLOT AKASIA: TELENVELA PENDEK - ‘CINDERELLA MYTH’ SEBAGAI
INDEKS FENOMENA (2018-2021)**
**ACACIA SLOT: SHORT TELENVELA – “CINDERELLA MYTH” AS AN INDEKS OF
PHENOMENA (2018-2021)**

Ayu Haswida bt Abu Bakar^{1*}

¹*Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam*

*Coresponding author: ayu330@uitm.edu.my**

Dihantar/Received: 08 November 2022 | Penambahbaikan/Revised: 23 Januari 2023

Diterima/Accepted: 06 Mei 2023 | Terbit/Published: 30 Jun 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v13i1.4381>

ABSTRAK

Slot Akasia adalah salah satu slot drama bersiri di TV3. Slot Akasia mengangkat pencirian cinta sebagai plot utama baik dari adaptasi novel mahupun cerita asal, sebagai syarat atau DNA slot. Untuk kajian ini drama bersiri di slot Akasia ditermakan sebagai telenovela pendek merujuk kepada konsep telenovela yang berpenciriankan naratif percintaan. Majoriti telenovela pendek yang disiarkan melalui slot ini akan menjadi telenovela pendek fenomena semasa yang didefinisikan melalui pencirian jumlah penontonan melebihi 10 juta. Menurut pada pengkaji telenovela, faktor utama yang menyumbang kepada sambutan ini adalah konsep cerita *Cinderella Myth*. Sungguhpun begitu, ada berpendapat bahawa telenovela perlu bersifat kehidupan seharian, realism dan berfungsi sebagai ‘*a mirror of reality*.’ Persoalan kajian yang akan dibincangkan, sejauhmana konsep *Cinderella Myth* ini digunapakai sebagai penggerak cerita dan menjadi penyumbang kepada fenomena semasa? Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat kajian analisis kandungan. Fokus kajian adalah drama bersiri yang disiarkan di Slot Akasia sekitar 2018-2021 yang mempunyai jumlah penontonan 10 juta dan ke atas. *Jangan Benci Cintaku* (2018), *Pujaan Hati Kanda* (2018), *Bukan Gadis Biasa* (2020) *7 Hari Mencintaimu 2* (2020) dan *Sabarlah Duhai Hati* (2021). Hasil kajian yang diperolehi dari lima telenovela pendek yang menjadi fenomena sekira 2018 hingga 2021, hanya dua sahaja yang menepati pencirian Cinderella Myth.

Kata kunci: Slot Akasia, *Cinderella Myth*, *Telenovela*, TV3, *televisyen*.

ABSTRACT

Slot Akasia is one of the serial drama slots on TV3. Akasia slot elevates the characterization of love as the main plot of either from a novel adaptation or an original story, as a condition or DNA of the slot. For this study the serial drama in Akasia slot is termed as a short telenovela, referring to the concept of telenovela characterized by romance narrative. The majority of short telenovelas aired through this slot will be short telenovelas of current phenomena defined through the characterization of total viewership in excess of 10 million. According to telenovela researchers, the main factor contributing to this celebration is the concept of the Cinderella Myth story. Even so, some argue that telenovelas should be everyday life, realism and function as ‘a mirror of reality.’ The research question to be discussed is, to what extent is the concept of Cinderella Myth used as a story driven and contributes which triggers a phenomenal? This study uses a qualitative approach of content analysis study. The focus of the study

is a serial drama aired on Akasia Slots of 2018-2021 which has a total viewership of 10 million and above. *Jangan Benci Cintaku* (2018), *Pujaan Hati Kanda* (2018), *Bukan Gadis Biasa* (2020) *7 Hari Mencintaimu 2* (2020) and *Sabarlah Duhai Hati* (2021). The results of the study obtained, from these five short telenovelas that became a phenomenal from 2018 to 2021, only two fit the characteristics of *Cinderella Myth*.

Keywords: Slot Akasia, *Cinderella Myth*, Telenovela, TV3, television

PENGENALAN

Slot Akasia adalah salah satu slot drama bersiri Melayu di TV3. Disiarkan pada Isnin sehingga Ahad, pada jam 7.00pm-8.00pm yang berada dalam waktu siaran *prime time*. Berdurasi antara 20-30 episod. Slot Akasia mempunyai pencirian, cinta sebagai plot utama baik dari adaptasi novel mahupun cerita asal, '*a combination of novel based and original stories that draw love story as its main pillar*' (deskripsi DNA Slot Drama TV3:2019). Justeru, secara dasarnya drama yang disiarkan melalui slot ini boleh ditermakan sebagai telenovela pendek dalam kajian ini.

Majoriti drama bersiri yang disiarkan melalui slot ini akan menjadi drama bersiri fenomena semasa yang didefinisikan melalui pencirian jumlah penonton melebihi 10 juta. Seperti *7 Hari Mencintaimu* (2016), *Titian Cinta* (2017), *Jangan Benci Cintaku* (2018), *Pujaan Hati Kanda* (2018), *Bukan Gadis Biasa* (2020) dan *Sabarlah Duhai Hati* (2021).

Justeru, objektif dan penumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji Slot Akasia yang dibingkai melalui '*a combination of novel based and original stories that draw love story as its main pillar*' (deskripsi DNA Slot Drama TV3:2019), sebagai indeks konsep *Cinderella Myth* atau kerangka cerita *Cinderella* yang menjadi dasar utama dalam sebuah telenovela pendek dan menjadi penyumbang kepada fenomena semasa. Persoalan kajian yang akan dibincangkan, sejauhmana konsep *Cinderella Myth* ini digunapakai sebagai penggerak cerita dan menjadi penyumbang kepada fenomena semasa?

KAJIAN LITERATURE

Telenovela dan *Cinderella Myth*

Telenovela adalah genre drama siri television. Bersifat melodramatik dan berbeza dengan genre *soap opera*. Telenovela mempunyai struktur yang berbeza dengan drama bersiri konvensional barat yang diterima sebagai *soap opera*. Iaitu telenovela mempunyai pengakhiran yang bahagia, manakala *soap opera* mempunyai pengakhiran yang pelbagai seperti tergantung ataupun terbuka. '*Telenovelas have ending-usually happy one resulting in a wedding or a big celebration,*' (Jun Carolyn Erlick, 2018). Manakala Amy M.Damico, Sara E.Quay (2016), berpendapat bahawa;

'telenovela narratives prioritize romantic relationships over the family relationship that drives U.S soap operas, and also include social issues relevant to the program's country for instance class differences, migration, and race. (ms. 23)

Justeru menurut Thomas Leitch, (2017),

'Telenovelas (narrative structure) mostly draw on values and archetypes that relates to many cultures. [...] that draws heavily on such common themes as love, redemption, and the overcoming of hardship.'

Manakala Samantha Nogueira Joyce (2012), berpendapat bahawa telenovela perlu bersifat kehidupan seharian atau *everyday life* masyarakat yang menonton kerana genre ini perlu *'exploits personalization – the individualization of social world-as an epistemology*. Iaitu pada Joyce telenovela adalah bersifat realism dan berfungsi sebagai *'a mirror of reality.'*

Katie Brown (2019), mempunyai pendapat yang berbeza. Pada Brown, genre telenovela ini harus bersifat dunia fantasi yang dibina dalam ruang masyarakat kaya dan elite yang diangkat melalui watak *'the macho, the innocent virgin [and] the femme fatale'* di mana *'everyone had to be rich, beautiful and elegant, and luxury had to be visible everywhere'*(163-164) .

Ini merujuk kepada kejayaan *Yo Soy Betty La Fea* (1999-2001), sebuah telenovela dari Columbia yang telah memberi satu evolusi baru dalam konsep drama bersiri di peringkat global. Telenovela ini telah diadaptasi ke pelbagai dalam pelbagai bahasa seperti *Jassi Jaisi Koi Nahin* (2003), India, *Ugly Betty* (2006), USA, *I Love Betty la Fea* (2008), Philippines, *Bela la Feia* (2009), Brazil dan *Gogona Gareubmidan* (2010), Georgia.

'This stylish US primetime hit was in fact the ninth incarnation of a truly global phenomena that began life as a Columbian telenovela back in 1999 [...], Yo soy Betty la fea [...]. No other telenovela had caught on like it.' (Janet McCabe, 2013).

Yo Soy Betty La Fea (1999-2001), pada Janet McCabe mempunyai penceritaan cerita Cinderella yang dikatakan faktor utama kejayaan telenovela ini. Ini dipersetujui oleh Carolina Acosta-Alzuru (2021, ms. 61-75), tentang penceritaan telenovela adalah bersifat cerita Cinderella atau *Cinderella story* yang boleh ditermakan sebagai *Cinderella Myth*.

'Telenovela-high in melodrama and characterized by a story of heterosexual love-the main couple has to overcome impediments and to achieved happiness together- The protagonist usually belongs to different socioeconomic level ascent- a Cinderella story. Character are Manichean, beautiful heroine is sweet and naïve, while villains are pure evil.

Janet McCabe (2013) menyatakan bahawa telenovela merupakan *'romantic fantasy'* yang bersifat *Cinderella myth*. Pada beliau, *'telenovela -is the 'basic rags -to-riches "Cinderella" storyline on which the telenovela is based, with protagonist achieving love and success against*

odds' (205; see Ortiz de Urbina and Lopez, 1999)', (17). Kenyataan ini selari dengan dengan apa yang telah dinyatakan oleh Amy M. Damico dan Sara E. Quay di awal perbindangan tadi sebagai '*telenovela narratives prioritize romantic relationships*, '(2016).

Justeru, merujuk kepada konsep cerita mitos Cinderella atau *Cinderella Myth*, secara rumusannya menyumbang kepada kisah wanita dalam kerangka atau modul cerita cinta bersifat romantik atau romance. Jean Wyatt (2017, ms.114), berpendapat bahawa, konsep romantik ini,

'In Cinderella story pattern, the woman moves from abject poverty to wealth and class status as a result of prince's choosing her from among all women. The Cinderella tale is founded on the rivalry among women [and] [t]he marriage plot has to be the principle capitalist myth for women.'

Merujuk kepada bingkai yang dinyatakan di atas telenovela watak heroin tersebut harus mencapai pengakhiran bahagia bersama hero yang merujuk kepada 'happily ever after' with a prince' (Agata Frymus, 2020).


PENYATAAN MASALAH

Drama bersiri di Slot Akasia sering menyumbang kepada fenomena semasa dan ada yang ketika ini sudah berada di musim ke 3 -7 *Hari Mencintaimu*. Merujuk kepada kajian masa lepas, antara faktor utama yang menyumbang kepada sambutan ini adalah konsep cerita *Cinderella Myth* yang bersifat '*telenovela -is the 'basic rags -to-riches "Cinderella" storyline on which the telenovela is based, with protagonist achieving love and success against odds*' (205; see Ortiz de Urbina and Lopez, 1999)', (17). Sungguhpun begitu, Samantha Nogueira Joyce (2012), berpendapat bahawa telenovela perlu bersifat kehidupan seharian atau *everyday life* masyarakat perlu '*exploits personalization – the individualization of social world-as an epistemology*. Bersifat realism dan berfungsi sebagai '*a mirror of reality*.'

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif yang akan dibincangkan melalui konseptual teori *Cinderella Myth* atau kerangka mitos naratif Cinderella

Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan kaedah kajian analisa kandungan -Slot Akasia, TV3. Lima drama bersiri atau telenovela pendek yang disiarkan sekitar 2018-2021 akan dijadikan kod kajian. Drama bersiri yang dipilih adalah berdasarkan jumlah penonton melebihi 10 juta dan ke atas: *Jangan Benci Cintaku* (2018), *Pujaan Hati Kanda* (2018), *Bukan Gadis Biasa* (2020), *7 Hari Mencintaimu 2* (2020) dan *Sabarlah Duhai Hati* (2021).



Rajah 1 Reka Bentuk Kajian Kandungan- Telenovela Pendek Fenomena

Cinderella Myth atau kerangka naratif mitos *Cinderella* bertindak sebagai variable kajian. Berfungsi sebagai mekanisma pengumpulan data. Untuk melihat sejauhmana penceritaan romantik yang berindekskan *Cinderella Myth* atau kerangka naratif *Cinderella* ini mampu menjadikan sebuah karya telenovela pendek di slot Akasia ‘a combination of novel based and original stories that draw love story as its main pillar’ (deskripsi DNA Slot Drama TV3:2019), sebagai sebuah karya fenomena.

Kerangka Teori Konseptual Cinderella Myth atau Kerangka Mitos Naratif Cinderella
 Kerangka konseptual teori yang digunakan merujuk kepada hanya satu variable yang diukur iaitu, kerangka mitos naratif Cinderella atau *Cinderella Myth*. Kerangka *Cinderella Myth* dibina melalui konsep dan definisi; pertama Jean McCabe (2013, ms.17),

‘telenovela -is the ‘basic rags -to-riches “Cinderella” storyline on which the telenovela is based, with protagonist achieving love and success against odds’ (205; see Ortiz de Urbina and Lopez, 1999)’.

Kedua, Amy M.Damico & Sara E. Quay (2016), ‘telenovela narratives prioritize romantic relationships. Jane Wyatt (2017, ms.23),

‘In Cinderella story pattern, the woman moves from abject poverty to wealth and class status as a result of prince’s choosing her from among all women. The Cinderella tale is founded on the rivalry among women [and] [t]he marriage plot has to be the principle capitalist myth for women.’

Dan, ketiga, Agata Frymus (2020), ‘happily ever after’ with a prince’, dan Caroline Acosta-Alzuru (2021),

‘Telenovela-high in melodrama and characterized by a story of heterosexual love-the main couple has to overcome impediments and to achieved happiness together- The protagonist usually belongs to different socioeconomic level ascent- a Cinderella story.

Character are Manichean, beautiful heroine is sweet and naïve, while villains are pure evil.

Secara keseluruhan, variable *Cinderella Myth* yang digunakan adalah bersifat naratif yang diukur melalui empat unit analisis.



Rajah 2 Kerangka Teori Konsep Mitos Naratif Cinderella / *Cinderella Myth*.

Pertama, cerita adalah bergenrekan percintaan atau romantik yang bersifat heteroseksual yang berkonsepkan percintaan antara 'Cinderella dan Putera Raja'. Konsep ini dirujuk sebagai percintaan dua darjat. Di mana watak utama wanita adalah dari golongan bawahan dan watak utama lelaki adalah dari golongan atasan.

Kedua, cerita digerakkan oleh watak wanita (watak utama) yang bersifat atau mempunyai elemen perwatakan Cinderella: golongan bawahan, cantik, manis dan naif. Dalam kata lain, cerita adalah dari sudut pandang Cinderella atau dalam kata lain, karya drama tersebut adalah cerita Cinderella.

Ketiga, dari konsep konflik cerita adalah persaingan antara wanita merebut cinta dan memiliki 'Putera Raja'. Iaitu antara Cinderella dan wanita yang diangkat sebagai watak antagonis. Dalam konteks *Cinderella Myth* ini, antoganis adalah wanita. Definasi antoganis wanita ini dikonsepskan tidak terhad kepada wanita muda dan sebaya yang menyintai Putera Raja. Tetapi menjangkau kepada watak wanita secara keseluruhan. Seperti dalam Cinderella ia merujuk kepada ibu tiri dan kakak tiri.

Keempat, dari konsep klimaks, Cinderella berjaya memiliki Putera Raja dan ini menyumbang kepada konsep pengakhiran bahagia atau *happy ending* seperti perkahwinan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Slot Akasia dan Telenovela Pendek Fenomena

Slot Akasia merupakan salah satu slot utama di TV3 selain *Samarinda* dan *Lestary*. Setiap slot mempunyai konsep dan pencerian kriteria tersendiri. Untuk slot Akasia konsep dan pencerian kriteria adalah merujuk kepada *'a combination of novel based and original stories that draw love story as its main pillar'* (deskripsi DNA Slot Drama TV3:2019).

Di mana untuk slot ini ia bersifat *'love story as main pillar'* atau bernaung di bawah genre percintaan atau romantik. Telenovela pendek untuk slot Akasia adalah terbahagi kepada dua kategori. Pertama bersifat adaptasi dari novel dan kedua bersifat idea asal. Kajian ini hanya berfokus telenovela pendek 2018 sehingga 2021.

Jadual 1 Slot akasia 2018-2021- Telenovela pendek fenomena

Bi	Judul	Jumlah Penontonan
2018		
1	Jangan Benci Cintaku	12 Juta
2	Pujaan Hati Kanda	12 Juta
2019 -Tiada		
2020		
1	Bukan	11 Juta
2	7 Hari Mencintaimu 2	12 Juta
2021		
1	Sabarlah Duhai Hati	11.5 Juta

Merujuk kepada Jadual 1, telenovela pendek yang menjadi fenomena yang didefinisikan dari konsep jumlah penontonan 10 juta dan ke atas adalah lima. Dua karya telenovela pendek pada tahun 2018: *Jangan Benci Cintaku* dan *Pujaan Hati Kanda*. Dua karya telenovela pada tahun 2020: *Bukan Gadis Biasa* dan *7 Hari Mencintaimu 2*, dan pada tahun 2021, hanya satu karya telenovela pendek sahaja: *Sabarlah Duhai Hati*.

Manakala untuk 2019, dari penelitian tiada telenovela pendek fenomena (yang dirujuk sebagai jumlah penontonan 10 juta dan ke atas).

Cinderella Myth -Watak dan Perwatakan Wanita Cinderella

Konsep *Cinderella Myth* adalah merujuk kepada naratif yang diangkat oleh watak wanita yang dicitrakan sebagai konsep figura Cinderella. Konsep figura wanita Cinderella ini diangkat melalui apa yang dinyatakan oleh Caroline Acosta-Alzuru (2021), *'the protagonist usually belongs to different socioeconomic level ascent- a Cinderella story. [...], the beautiful heroine is sweet and naïve [...]*.

Jadual 2 Slot akasia 2018-2021 telenovela pendek fenomena- Pencirian watak utama wanita dan konseptualisasi konsep pencirian konsep watak Cinderella dalam *Cinderella Myth*

Judul	Watak Utama	Konsep Wanita Cinderella		
		Status Lebih Rendah dari Watak Lelaki Utama	Cantik/ Manis	Naif/Lemah
Jangan Benci Cintaku	Rafeeqa	Sama level	Cantik	Wanita perwatakan kuat/dominan:
Pujaan Hati Kanda	Tiara	Kelas bawah	Cantik	Naif dan lemah
Bukan Gadis Biasa	Johana	Kelas bawah	Cantik tetapi <i>tomboyish</i>	Tidak naif tetapi lemah
7 Hari Mencintamu 2	Mia Adriana	Kelas lebih tinggi	<i>Cantik</i>	Wanita perwatakan kuat/dominan
Sabarlah Duhai Hati	Fira	Kelas bawah	<i>Cantik</i>	Naif & lemah

Merujuk kepada Jadual 2, *Slot Akasia 2018-2021 Telenovela Pendek Fenomena - Pencirian Watak Utama Wanita dan Konseptualisasi Konsep Pencirian Konsep Watak Cinderella dalam Cinderella Myth*, citra konsep figura wanita Cinderella adalah merujuk kepada empat perwatakan. Pertama, perbezaan kelas status quo dengan watak lelaki utama yang dikonsepsikan sebagai Putera Raja atau Prince Charming. Dengan kata lain, wanita Cinderella datangnya dari latar keluarga yang lebih rendah status quo berbanding latar kelas watak lelaki utama atau konsep watak Putera Raja.

Kedua, wanita Cinderella ini adalah seorang perempuan cantik dan manis yang merujuk kepada tingkah laku yang lembut dalam kesempurnaan seorang wanita yang berada di dalam ruang *hegemony masculinity*. Dikawal oleh watak lelaki utama yang bersifat patriaki.

Ketiga, wanita Cinderella ini adalah seorang perempuan yang mempunyai perwatakan yang naif atau lurus bendul dan akan didominasi oleh watak utama lelaki yang dikonsepsikan sebagai *Prince Charming*. Dalam kata lain mempunyai sifat menurut cakap dan tidak tahu membantah.

Justeru, watak wanita utama dalam kajian ini merujuk kepada Jadual 2, adalah Rafeeqa (*Jangan Benci Cintaku*), Tiara (*Pujaan Hati Kanda*), Johana (*Bukan Gadis Biasa*), Mia Adriana (*7 Hari Mencintaimu 2*) dan Fira (*Sabarlah Duhai Hati*).

Rafeeqa di dalam *Jangan Benci Cintaku* (2018) dipresentasikan sebagai berada di dalam ruang status quo yang sama dengan watak lelaki utama (*Prince Charming*). Berperwatakan tidak naif dan bersifat dominan. Di mana Rafeeqa yang dijodoh paksa oleh keluarganya dengan

Shahrizal, mengambil keputusan untuk menyambung pelajaran di luar negara walaupun tidak dipersetujui dan ditentang oleh Shahrizal (suami). Sikap dan perwatakan ini menyumbang kepada indeks penolakan *hegemonic masculinity*. Menurut Ayu Haswida Abu Bakar (p.28: 2021):

'Hegemonic masculinity seperti yang ditermakan oleh Raewyn Connell (1995) di dalam Messerschmidt (2018), *hegemonic masculinity* bertindak sebagai konfigurasi amalan budaya gender yang menyumbang kepada jawapan dan penjelasan terhadap permasalahan justifikasi sistem patriaki. Sistem ini memberi jaminan yang kukuh tentang kedudukan dominasi lelaki dan letak duduk serta kedudukan wanita sebagai 'subordination' atau subordinasi. Konsep *hegemonic masculinity* Raewyn Connell diperkukuhkan oleh Richard Howson dan Jeff Hearn di dalam Gottzen, Mellstrom dan Shefer (2019), melalui definisi maskuliniti sebagai satu indeks yang *'enables men to act within a continuous system of gendered privilege/importance/ authority that cannot and so "should" not be questioned.'*

Oleh yang demikian, Rafeeqa tidak menepati pencirian watak wanita Cinderella dari aspek kedudukan status. Di mana dia dan watak lelaki utama (Putera Raja) berada dalam hierarki yang sama dan juga Rafeeqa seorang yang bersifat dominan.

Tiara dalam *Pujaan Hati Kanda* (2018), dipresentasai sebagai pelajar universiti yang berasal dari kampung. Bersatus quo lebih rendah dari watak utama lelaki. Digambarkan sebagai seorang wanita yang naif dan lemah. Di mana dirinya sentiasa dikawal atau didominasi oleh watak utama lelaki. Maka, jelas Tiara menepati pencirian watak wanita Cinderella.

Manakala *Bukan Gadis Biasa* (2020), Johana diangkat sebagai watak wanita utama. Beliau direpresentasikan melalui seorang wanita yang bekerja sebagai juruwang di sebuah kedai runcit dan tinggal di flat bersama anak saudaranya. Merujuk kepada pencirian ini, hierarki Johana lebih rendah berbanding watak utama lelaki (Prince Charming). Johana direpresentasikan sebagai seorang wanita cantik. Tetapi Johana perwatakan *tomboyish* dan kasar. Mengambil kelas tinju. Sungguhpun begitu, Johana adalah seorang wanita yang lemah dan sentiasa dikawal atau didominasi oleh watak utama lelaki.


Manakala Mia Adriana dalam *7 Hari Mencintaimu 2* (2020), adalah seorang perempuan yang cantik berasal dari latar keluarga yang lebih tinggi hierarkinya dari watak utama lelaki. Juga Mia Adriana direpresentasi sebagai pengurus kepada sebuah Yayasan. Seorang perempuan yang mempunyai pendirian yang tegas. Maka dengan ini, Mia Adriana, seperti Rafeeqa menolak sepenuhnya pencirian konsep seorang wanita Cinderella dalam sebuah telenovela pendek.

Fira watak wanita utama dalam *Sabarlah Duhai Hati* (2022) merujuk kepada Jadual 2, direpresentasikan sebagai seorang perempuan dari hierarki lebih bawah dari watak utama lelaki. Seorang perempuan cantik dan bersifat lemah. Seperti watak Tiara dalam *Pujaan Hati Kanda*, Fira dikawal dan didominasi oleh watak lelaki utama.

Secara keseluruhan, merujuk kepada Jadual 2, pencirian wanita Cinderella diangkat sepenuhnya hanya pada watak Tiara (*Pujaan Hati Kanda*) dan Fira (*Sabarlah Duhai Hati*). Di mana kedua-dua watak ini mempunyai status quo dari kalangan kelas lebih bawah dari watak lelaki utama yang dikonsepsikan sebagai Putera Raja atau *Prince Charming*. Seorang wanita yang cantik dan manis serta naif dan lemah.

Walaupun latar sosiologi Johana dalam *Bukan Gadis Biasa* adalah dari kalangan kelas bawahan, di mana status quo beliau lebih rendah dari watak lelaki utama dan seorang wanita cantik, Johana tidak manis dari aspek kewanitaan. Ini merujuk kepada perwatakan *tomboyish* dan kasar. Johana direpresentasikan sebagai seorang yang telah melalui dugaan hidup yang mencabar menyumbang kepada sifat memberontak dan berdikari. Perwatakan ini menyumbang kepada sifat tidak naif.

Sehubungan itu, Rafeeqa (*Jangan Benci Cintaku*) dan Mia Adriana (*7 Hari Mencintaimu*) diangkat melalui perwatakan yang sangat berbeza dari citra figura wanita Cinderella. Walaupun kedua-duanya adalah wanita cantik dan manis, mereka bersifat tidak naif. Rafeeqa dan Mia Adriana mempunyai prinsip hidup dan seorang wanita yang tahu apa yang mereka mahu ada ketikanya mencabar hegemoni maskulin watak lelaki utama yang dikonsepsikan sebagai *Prince Charming*.



Rajah 3 *Cinderella Myth*- Watak dan Perwatakan Wanita Cinderella.

Secara rumusannya, hanya dua watak wanita dari lima buah telenovela pendek fenomena: Tiara dan Fira yang diangkat melalui citra figura konsep wanita Cinderella.

Genre percintaan/romantik - Bersifat heteroseksual yang berkonsepkan percintaan antara 'Cinderella dan Putera Raja', konflik and Pengakhiran.

Naratif *Cinderella Myth* adalah bersifat kisah cinta antara wanita Cinderella dan lelaki Putera Raja atau *Prince Charming*. Yang diangkat melalui konflik orang ketika yang menyumbang kepada antagonis. Antagonis untuk naratif *Cinderella Myth* ini adalah watak wanita yang cuba merebut lelaki Putera Raja dari wanita Cinderella. Naratif ini adalah bersifat pengakhiran bahagia atau *happy ending*.

Jadual 3 Slot Akasia 2018-2021- Percintaan bersifat heteroseksual yang berkonsepkan dan konflik: Persaingan antara wanita merebut cinta dan memiliki 'Putera Raja' – (Cinderella dan antagonis)

Judul	Pengakhiran	Bersifat Cinta Heteroseksual - Percintaan Cinderella dan <i>Prince Charming</i>		
		Watak Wanita Utama	Watak Lelaki Utama	Antagonis Menyumbang Kepada Konflik Naratif Percintaan Cinderella dan Prince Charming
Jangan Benci Cintaku	Bahagia	Rafeeqa	Shahrizal	Husna
Pujaan Hati Kanda	Bahagia	Tiara	Megat Danish/Danny	Nadine
Bukan Gadis Biasa	Bahagia	Johana	Rayyan	Hanim
7 Hari Mencintamu 2	Bahagia	Mia Adriana	Khuzairi	Nurul
Sabarlah Duhai Hati	Bahagia	Fira	Affan	Nadia

Dari perspektif naratif *Cinderella Myth*, percintaan wanita Cinderella dan lelaki *Prince Charming* diganggu oleh orang ketiga yang difigurakan sebagai perempuan yang cuba memisahkan wanita Cinderella dan lelaki *Prince Charming* untuk perempuan itu miliki lelaki *Prince Charming*. Sungguhpun begitu, naratif *Cinderella Myth* ini berakhir dengan kebahagiaan bersifat kemenangan di pihak wanita Cinderella.

Merujuk kepada Jadual 3, kelima-lima telenovela pendek berakhir dengan kebahagiaan dan watak antagonis kepada percintaan watak wanita utama dan watak utama lelaki adalah bersifat perempuan, iaitu Husna (*Jangan Benci Cintaku*), Nadine (*Pujaan Hati Kanda*), Hanim (*Bukan Gadis Biasa*), Nurul (*7 Hari Mencintaimu 2*) dan Nadia (*Sabarlah Duhai Hati*).

Sungguhpun begitu, melalui pencirian konsep watak antagonis yang diangkat dalam naratif telenovela pendek ini terdapat berbezaan ketara. Konsep pencirian watak antagonis dalam kelima-lima telenovela pendek ini terbahagi kepada dua kategori. Pertama, antagonis bersifat utama. Iaitu watak antagonis untuk naratif telenovela pendek secara keseluruhan. Kedua, antagonis bersifat bukan utama. Iaitu watak antagonis berfungsi kepada subplot naratif telenovela pendek dan bukan bersifat keseluruhan naratif telenovela pendek tersebut.

Antagonis Bersifat Utama

Hasil penelitian, dari lima telenovela pendek fenomena yang dikaji, terdapat tiga telenovela pendek yang mengangkat watak antagonis bersifat utama. Husna di dalam *Jangan Benci Cintaku*, Nadine di dalam *Pujaan Hati Kanda* dan Nadia di dalam *Sabarlah Duhai Hati*. Ketiga-tiga watak antagonis ini mencabar hubungan percintaan heteroseksual antara watak utama wanita dan watak utama lelaki.

Husna melalui nenek Shahrizal, mencabar dan ingin merampas Shahrizal dari Rafeeqa dengan memusnahkan rumahtangga Rafeeqa dan Shahrizal. Nadine yang ingin memiliki Megat Danish atau Danny dan cuba memisahkan Megat Danish dengan Tiara. Manakala Nadia, melalui keluarganya, cuba memisahkan rumahtangga Fira dan Affan, sepupu yang sudah lama dia minati.

Mekanisma mencabar ini berfungsi sebagai cuba merampas watak utama lelaki dari watak utama perempuan. Justeru tingkah ini menyumbang kepada indeks dan konotasi konflik kepada naratif telenovela pendek tersebut. Sungguhpun begitu, seperti mana yang dinyatakan dalam kerangka naratif *Cinderella Myth*, watak antagonis kalah kepada watak wanita utama. Watak utama wanita berjaya memiliki watak utama lelaki dan berakhir dengan pengakhiran bahagia.

Antagonis Bersifat Bukan Utama

Hasil kajian mendapati, dua dari lima telenovela pendek fenomena yang dikaji mengangkat pencirian watak antagonis bersifat bukan utama. Nurul di dalam *7 Hari Mencintaimu 2* dan Hanim dalam *Bukan Gadis Biasa*. Nurul melalui ibu Khuzairi cuba merampas Khuzairi dari Mia Adriana. Manakala di dalam *Bukan Gadis Biasa*, Hanim tunang kepada Rayyan mencabar hubungan heteroseksual antara Johana dan Rayyan.

Sungguhpun begitu, Nurul dan Hanim hanya berfungsi sebagai watak antagonis bukan utama. Ini merujuk kepada naratif dan konflik utama yang diangkat dalam *7 Hari Mencintaimu 2* dan *Aku Bukan Gadis Biasa* yang mengangkat konflik kekeluargaan dan bukan konflik pada percintaan watak utama perempuan dan watak utama lelaki.


Watak antagonis utama dalam naratif *7 Hari Mencintaimu 2* direpresentasikan melalui watak Puan Hayati. Ibu kepada Mia Adriana. Justeru, watak Puan Haryati bukanlah wanita perampas atau cuba memisahkan percintaan heteroseksual antara Mia Adriana dan Khuzairi hanya kerana Puan Haryati ingin memiliki Khuzairi. Puan Haryati yang diangkat sebagai antagonis yang mencabar kepada hubungan dan isu kekeluargaan Khuzairi. Justeru konflik yang dibawa melalui watak Puan Hayati ini secara langsung mengganggu gugat hubungan suami isteri antara Khuzairi dan Mia Adriana. Jelas di sini, konflik utama naratif telenovela pendek fenomena ini adalah merujuk kepada isu kekeluargaan dan masalah Puan Hayati dengan keluarga Khuzairi dan bukan konflik percintaan.

Sehubungan itu, watak Nurul yang dikenalpasti sebagai antagonis kepada percintaan Mia Adriana dan Khuzairi bertindak sebagai subplot dan menyumbang kepada keretakan hubungan Mia Adriana dan Khuzairi yang dicituskan oleh antagonis utama -watak Puan Hayati.

Begitu juga pada telenovela pendek fenomena *Bukan Gadis Biasa*, watak Juliana, ibu tiri kepada watak lelaki utama -Rayyan, diangkat sebagai antagonis utama dalam naratif telenovela pendek ini dan bukannya Hanim, wanita yang mencabar hubungan percintaan Johana dan Rayyan. Seperti *7 Hari Mencintaimu 2*, naratif *Aku Bukan Gadis Biasa* adalah konflik bersifat kekeluarga yang menyumbang kepada perebutan harta dan pewarisan harta.

Sungguhpun begitu, cabaran yang menyumbang kepada konflik naratif utama *Aku Bukan Gadis Biasa* tidak sama dengan *7 Hari Mencintaimu 2*. Ini adalah kerana cabaran atau konflik yang diangkat oleh Juliana tidak ada perkaitan langsung dengan hubungan percintaan Johana dan Rayyan. Tetapi cabaran pada percintaan Johana dan Rayyan dibawa melalui Hanim melalui subplot yang tidak ada kaitan dengan pergelutan dan perebutan harta dan pewarisan harta keluarga Rayyan.

Menariknya, dalam konteks naratif percintaan heteroseksual Johana dan Rayyan di dalam *Aku Bukan Gadis Biasa*, Hanim yang diangkat sebagai antagonis kepada percintaan heteroseksual Johana dan Rayyan direpresentasikan sebagai tunang Rayyan. Wanita yang 'dimiliki' watak utama lelaki, diangkat sebagai watak antagonis kepada percintaan heteroseksual watak utama perempuan dan watak utama lelaki. Secara langsung dan jelas naratif *Aku Bukan Gadis Biasa* menolak secara total kerangka naratif *Cinderella Myth* ini.




Rajah 4 *Cinderella Myth*- Kerangka Naratif.

Rumusan yang boleh diperkatakan adalah dari lima telenovela pendek fenomena, hanya tiga sahaja diangkat melalui konsep kerangka naratif *Cinderella Myth*.

ANALISA KAJIAN

Merujuk kepada perbincangan, lima buah telenovela pendek fenomena di slot Akasia sekitar tahun 2018-2021 yang dikaji, hanya dua sahaja yang menepati konsep kerangka *Cinderella Myth* yang digunakan oleh genre telenovela. Telenovela pendek fenomena *Pujaan Hati Kanda* (2018) dan *Sabarlah Duhai Hati* (2021) menepati pencirian, pertama konsep watak wanita Cinderella dan kedua, konsep naratif yang diangkat oleh kerangka *Cinderella Myth*.



Rajah 5 Hasil Kajian Telenovela Pendek dan Konsep Mitos Naratif Cinderella / *Cinderella Myth*.

Jangan Benci Cintaku (2018), secara naratif menyumbang kepada konsep kerangka naratif *Cinderella Myth*. Di mana ia mengangkat plot perebutan dua wanita untuk memiliki watak utama lelaki. Konflik yang diangkat adalah melalui antoganis wanita - Husna yang mengganggu perhubungan Rafeeqa dan Shahrizal. Sungguhpun begitu Rafeeqa, watak wanita utama tidak mengangkat sepenuhnya pencirian perwatakan watak seorang wanita Cinderella yang diperincikan dalam kerangka naratif *Cinderella Myth*.

Manakala *Bukan Gadis Biasa* (2020) dan *7 Hari Mencintai 2* (2020) secara total menolak pencirian kerangka *Cinderella Myth*, baik dari konsep wanita Cinderella mahupun kerangka naratif *Cinderella Myth*. Penolakan ini diindekskan melalui konflik yang diangkat. Kedua-duanya adalah merujuk kepada konflik kekeluargaan dan bukan konflik percintaan heteroseksual.

Oleh yang demikian pencetus kepada sesebuah telenovela pendek fenomena di slot Akasia secara jelas tidak bergantung sepenuhnya kepada konsep naratif penceritaan *Cinderella Myth* yang digunapakai oleh telenovela seperti *Yo Say Betty La Fea* (1999-2001) yang menjadi fenomena global. Kebarangkalian kepada pencetus fenomena sesebuah telenovela pendek di slot Akasia mungkin terletak pada pencirian penjualan novel yang diadaptasi atau penulis. Atau pun mungkin ruang masa telenovela pendek itu disiarkan. Contohnya, *Aku Bukan Gadis Biasa* (2020) disiarkan pada bulan Ramadan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama.

KESIMPULAN

Secara rumusannya, walaupun Slot Akasia mengangkat plot percintaan, *Cinderella Myth* mampu memberi impak kepada dua telenovela pendek: *Pujaan Hati Kanda* (2018) dan *Sabarlah Duhai Hati* (2021). Manakala *Jangan Benci Cintaku* (2018), *Bukan Gadis Biasa* (2020) dan *7 Hari Mencintai 2* (2020) tidak menyumbang secara keseluruhan naratif tidak mengangkat konsep plot percintaan sebagai keutamaan. Ini merujuk kepada pemilihan watak antagonis yang bersifat menyumbang sepenuhnya kepada isu kekeluargaan dan tidak berkaitan langsung dengan plot percintaan. Justeru, plot percintaan adalah bersifat sekunder.

Kajian ini hanya bertumpu kepada naratif telenovela pendek sahaja. Justeru kajian ini boleh diperkembangkan ke skop atau fokus kajian lain seperti dari aspek penjualan novel yang diadaptasi atau penulis. Atau pun mungkin ruang masa telenovela pendek itu disiarkan.

RUJUKAN

- Alzuru, C. (2021). *From riches to rags: The decline of Venezuelan telenovelas*. Routledge.
- Ayu Haswida Abu Bakar. (2021). Wanita cantik dan kejatuhan pemerintahan hebat dalam filem "Tun Fatimah" (1962). *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 17–38. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/33179>
- Brown, K. (2019). *Writing and the revolution: Venezuelan metafiction 2004-2012*. Liverpool University Press.
- Damico, A., & Quay, S. (2016). *21st Century tv dramas: Exploring the new golden age*. ABC-CLIO
- Erlick, J. (2018). *Telenovelas in pan-latino context*. Routledge.
- Frymus, A. (2020). *Damsels and divas: European stardom in silent Hollywood*. Rutgers University Press.
- Joyce, S. (2012). *Brazilian telenovelas and the myth of racial democracy*. Lexington Books
- Leitch, T. (2017). *The oxford handbook of adaptation studies*. Oxford University Press
- Mac Cabe, J., & Akass, K. (2013). *TV's Betty: Goes global: From telenovela to international brand*. I.B.Tauris
- Wyatt, J. (2017). *Love and narrative form in toni morrison's later novel*. The University of Georgia Press.